

29/11/2003

DJ IKIM.fm tetap gembira beraya di konti

Akmal Abdullah

BIARPUN baru beroperasi dua setengah tahun, stesen radio IKIM.fm yang mula mendapat perhatian ramai juga menyediakan pelbagai rancangan menarik sempena Aidilfitri sejak Selasa lalu.

Bagi memenuhi siarannya selama 24 jam sehari, sudah tentu juruhebah, penerbit dan petugas teknikalnya terpaksa beraya di bilik konti kerana memenuhi tugas yang diamanahkan.

Jika di stesen radio lain, pengalaman beraya di dalam studio sudah perkara biasa tetapi buat DJ dan penerbit IKIM.fm, ia satu suasana baru, apatah lagi sesuai dengan imejnya sebagai saluran berkonsepkan Islam, juruhebahnya juga harus menampilkan kreativiti yang lebih dan tersendiri bagi menceria dan menghangatkan suasana lebaran 1424 Hijrah.

Hari ini hari raya kelima dan DJ radio terbabit tetap tekun memberi khidmat untuk pendengarnya di seluruh negara.

Bagi mereka, pengalaman beraya dalam bilik konti memang sayu dan menyedihkan, terutama terkenang ibu bapa, ahli keluarga dan sanak saudara di kampung.

Kerjasama rakan setugas dan maklum balas pendengar yang setia menghubungi radio itu menjadikan mereka ceria sambil menikmati ketupat dan lemang dalam studio.

Kemeriahan tetap terasa biarpun tidak semeriah di rumah kerana iringan lagu raya yang dikeudarakan ada kalanya menjadi pengubat rindu. Malahan, apabila pengalaman kali pertama beraya di studio, ada kalanya ia bertukar kepada sesuatu yang menarik dan menyeronokkan pula.

Demikian antara kenangan yang diceritakan DJ IKIM.fm yang beroperasi di ibu pejabat Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di Langgak Tunku, Jalan Duta, Kuala Lumpur kepada Persada Seni.

Antara juruhebah dan penerbit radio Mohd Erwan Johari, Maslina Alias, Taufik Jalil, Fairuz Noordin, Zarita Kasim, Nik Hasnah, Isma Rosila Ismail, Mahathir Shaharuddin, Mona Jasman, Zulkifli Mohd Sidik dan Zamri Zainal Abidin.

DJ popular Maslina berkata, dia terpaksa bekerja pada hari raya pertama hingga hari raya ketiga pada Aidilfitri kali ini.

"Inilah kali pertama saya terpaksa beraya dengan rakan sekerja dan jauh daripada keluarga. Tapi, bagi saya tidak ada masalah, sebab kawan-kawan ada dan kami juga dapat makan kuih raya. Pagi raya, awal-awal lagi saya telefon keluarga di Kuala Terengganu.

"Seronok juga terima panggilan telefon daripada pendengar yang buat ucapan selamat hari raya. Ini pengalaman menarik dan orang lain juga ramai yang kena bekerja pada hari raya, adat kerja macam inilah..." katanya yang balik ke Terengganu semalam.

Mohd Erwan pula menjelaskan, raya tahun ini adalah kali kedua dia beraya di studio kerana tugas.

"Sayu tu... terasalah juga tapi demi tanggungjawab kenalah patuh. Gembira juga apabila sambut raya dengan kawan sekerja," katanya yang pulang ke Muar pada hari raya ketiga.

Fairuz yang mendapat cuti pada hari raya pertama hingga ketiga mengakui berpuas hati dapat meluangkan masa bersama keluarga pada lebaran kali ini dan hanya memasuki studio pada raya keempat.

"Nasib saya baik sebab dapat cuti secara kebetulan. Saya pun tidak pernah lagi bekerja di studio pada hari raya pertama," katanya yang pulang ke rumah keluarganya di Jalan Datuk Kumbang, Alor Star.

Sejak Hari Raya pertama lalu, antara program menarik yang disediakan IKIM.fm ialah Santapan Rohani Khas Aidilfitri, Ungkapan Raya, Siaran Langsung Solat Sunat Aidilfitri Dari Masjid Wilayah Persekutuan, Pengertian Aidilfitri, Drama Khas Aidilfitri, Salam Kampus, Sinar Harapan Di Aidilfitri, Demi Tugas, Nukilan Aidilfitri, Salam Mahabbah, Aidilfitri Di Perantauan, Fi Rihabi Aidilfitri.